



Alamat:

Pejabat Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri Sarawak,
Petra Jaya, 93502 Kuching,
Sarawak, Malaysia



Telefon:

+6(082) 441955 (Talian Am)
+6(082) 311036 (Pejabat Setiausaha)



Faksimili:

+6(082) 440628 / 445769



Laman Sesawang:

duns@sarawak.gov.my




Emel Rasmi DUNS:

duns@sarawak.gov.my



DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK
Sarawak State Legislative Assembly



Pelawat

Kelonggaran hanya diberikan kepada pelawat tanpa temu janji sewaktu sesi persidangan DUNS sahaja. Pelawat boleh mendapatkan pas masuk pelawat daripada pegawai keselamatan yang bertempat di pintu masuk utama bangunan DUNS.

Sewaktu lawatan, pelawat adalah dikehendaki untuk mematuhi tatacara pemakaian yang telah ditetapkan. Tiada sebarang bayaran dikenakan kepada pelawat bagi lawatan ke DUNS.


i. Lawatan sewaktu persidangan DUNS

Tertakluk kepada kekosongan tempat duduk, orang awam boleh menyaksikan persidangan DUNS di Galeri Awam di Aras 9 bangunan DUNS.

ii. Lawatan biasa ke bangunan DUNS

Pelawat hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran secara bertulis kepada Setiausaha DUNS. Ketetapan masa untuk lawatan adalah seperti yang berikut: -

Hari	Masa	
	Sesi Pagi	Sesi Petang
Isnin-Khamis	8:30 am – 12:30 pm	2:30 pm – 4:30 pm
Jumaat	8:30 am – 11:30 am	
Sabtu/Ahad/ Cuti Umum	Tutup	



Perkenan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak

Apabila sesebuah Rang Undang-undang diluluskan sewaktu persidangan DUNS, adalah menjadi tanggungjawab Setiausaha DUNS untuk mempersembahkan Rang Undang-undang tersebut kepada TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak untuk diperkenankan dan diturunkan Cop Mohor Besar TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak ke atasnya.

Setelah diperkenankan, Rang Undang-undang akan diwartakan dan dikenali sebagai Ordinan. Ordinan tersebut akan berkuatkuasa sebagai Undang-undang rasmi di Negeri Sarawak.

Laporan Dewan / Penyata Rasmi (*Hansard*)

Penyata Rasmi yang dikenali sebagai "*hansard*" merupakan laporan DUNS di mana setiap perkataan yang diucapkan sewaktu persidangan direkod dalam bentuk kata demi kata (verbatim).

Prosiding mesyuarat yang telah dirakam akan ditranskripsi oleh petugas khas DUNS sebagai *hansard* belum disunting dan akan diterbitkan sehari selepas persidangan harian.

Setelah pembetulan dilakukan dan isi kandungan *hansard* tersebut diperakui dan dipersetujui oleh setiap ADUN, *hansard* tersebut akan dicetak dan diklasifikasikan sebagai *hansard* sudah disunting dan akan diedarkan kepada ADUN.

Cokmar

Cokmar merupakan sebuah alat kebesaran institusi berparlimen yang melambangkan kekuasaan Speaker dan kehormatan DUNS. Semasa persidangan berlangsung, cokmar akan diletakkan di atas meja di hadapan Speaker DUNS.



Pengenalan

Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak (DUNS) merupakan simbolik Kedaulatan Rakyat dan Demokrasi Berparlimen di mana wakil-wakil rakyat berdebat, memperkenalkan dasar-dasar dan menyuarakan pendapat rakyat. Dikenali sebagai 'Dewan Yang Mulia', ia menggambarkan penghormatan dan pengiktirafan tertinggi yang diberikan kepada persidangan DUNS.

DUNS berstruktur *unicameral* (badan perundangan yang mempunyai satu dewan sahaja) dan ia adalah berdasarkan model Demokrasi Berparlimen *Westminster*.

Sejarah DUNS bermula dengan pembentukan Majlis Umum pada 8 September 1867 di Bintulu dan seterusnya di Sibu, Astana, Bangunan Mahkamah lama, Dewan Tun Abdul Razak, Kompleks Dewan Undangan Negeri lama dan kini di bangunan DUNS baru yang terletak di persisiran Sungai Sarawak. Perubahan pada komposisi DUNS merupakan salah satu petunjuk bahawa Sarawak sedang bergerak ke arah kemajuan menjelang tahun 2030 dan seterusnya.

Kerajaan berubah dari semasa ke semasa dan fenomena politik mempunyai kesan yang meluas, namun sejarah telah membuktikan bahawa pembaharuan kepada perlembagaan dan undang-undang yang diluluskan dan diperkenalkan oleh Badan Perundangan mempunyai impak berkekalan.

Justeru, risalah ini bertujuan untuk membantu para pembaca untuk memahami sejarah, proses serta prosedur badan perundangan dengan lebih mendalam.



DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

Sejarah Dewan Undangan Negeri Sarawak

Mesyuarat pertama Dewan Undangan Negeri Sarawak yang dikenali sebagai Majlis Umum telah diadakan pada 8 September 1867 di Bintulu. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Rajah Muda Brooke. Tidak termasuk Rajah Muda Brooke sebagai Presiden, Majlis Umum tersebut terdiri daripada lima orang Inggeris dan 16 orang tempatan yang terdiri daripada kaum Melayu dan Melanau yang beragama Islam yang membantu dalam pentadbiran wilayah-wilayah di bawah jajahan Rajah Brooke yang ketika itu hanya meliputi kawasan-kawasan persisiran. Isu utama yang dibincangkan pada mesyuarat tersebut adalah hal ehwal berkenaan kepentingan rakyat Sarawak. Selari dengan peredaran masa, mesyuarat Majlis Umum selepas itu berkembang menjadi mesyuarat yang dikenali sebagai *Council Negri* pada tahun 1903.

Pada tahun 1941, sebuah perlembagaan bertulis baharu telah digubal. Ahli-ahli *Council Negri* bertambah menjadi 25 orang yang terdiri daripada ahli-ahli rasmi dan tidak rasmi yang telah dilantik.

Selepas pendudukan Jepun, pada tahun 1946 Sarawak telah menyaksikan persidangan *Council Negri* yang mengakhiri pemerintahan keluarga Rajah Brooke dan penyerahan Sarawak kepada Koloni British.

Pada tahun 1956, keanggotaan *Council Negri* bertambah menjadi 45 orang yang terdiri daripada 14 ahli ex-officio, 24 ahli dipilih, empat ahli dilantik dan tiga ahli tetap.

Ahli-ahli *Council Negri* merupakan ahli yang dipilih oleh Majlis Penasihat Bahagian di mana tiga buah Majlis Tempatan (Kuching, Sibu dan Miri) mempunyai beberapa orang wakil yang dipilih daripada kawasan masing-masing.



Peringkat Jawatankuasa

Pada peringkat Jawatankuasa Dewan atau peringkat Jawatankuasa Perbekalan, Speaker DUNS akan menjadi Pengerusi bagi kedua-dua Jawatankuasa dan akan kekal duduk di kerusinya.

i. Peringkat Jawatankuasa Dewan

Jawatankuasa Dewan akan mempertimbangkan apa-apa Rang Undang-undang Biasa selain daripada Rang Undang-undang Perbekalan (anggaran perbelanjaan perbekalan dan pembangunan).

ii. Peringkat Jawatankuasa Perbekalan

Jawatankuasa Perbekalan akan mempertimbangkan apa-apa berkenaan dengan perbelanjaan negeri, anggaran perbelanjaan perbekalan dan pembangunan.

Bacaan Kali yang Ketiga

Setelah Rang Undang-undang dipertimbangkan di peringkat Jawatankuasa, Rang Undang-undang tersebut akan dilapor semula kepada Dewan Mesyuarat. Mesyuarat akan disambung semula dan Rang Undang-undang tersebut akan dibaca buat kali ketiga dan diluluskan.

Penggulungan daripada Menteri

Lazimnya, tiga hari terakhir persidangan DUNS diperuntukkan kepada menteri-menteri untuk menyampaikan ucapan penggulungan. Dalam ucapan penggulungan tersebut, menteri akan menjawab dan menjelaskan segala pertanyaan atau komen daripada ADUN sepanjang persidangan semasa berkenaan dengan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian masing-masing. Kebiasaannya, hari terakhir persidangan DUNS adalah merupakan hari bagi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak menyampaikan ucapan penggulungan beliau.



Rang Undang-undang

Pembentangan Rang Undang-undang terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- i. **Pembentangan Rang Undang-undang Biasa; dan**
- ii. **Pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan.**

Pembentangan Rang Undang-undang

Seseorang Menteri atau Menteri Muda boleh, setelah memberi notis sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu, membawa Rang Undang-undang dalam Mesyuarat tanpa mendapat perintah Dewan untuk memperkenalkannya.

Secara amnya, proses bagi pembentangan dan kelulusan bagi sesebuah Rang Undang-undang di persidangan DUNS melibatkan (i) Bacaan Kali yang Pertama; (ii) Bacaan Kali yang Kedua; (iii) Peringkat Jawatankuasa Dewan/Jawatankuasa Perbekalan; dan (iv) Bacaan Kali yang Ketiga.

Bacaan Kali yang Pertama

Bacaan Kali yang Pertama bagi sesebuah Rang Undang-undang adalah merupakan pengenalan kepada Rang Undang-undang tersebut. Setiausaha DUNS akan membaca tajuk Rang Undang-undang tersebut dan setelah selesai, ianya dianggap sudah dibaca untuk Bacaan Kali yang Pertama. Bacaan Kali yang Pertama tidak perlu disokong.

Bacaan Kali yang Kedua

Pada peringkat Bacaan Kali yang Kedua, menteri yang membentangkan Rang Undang-undang itu akan menggariskan tujuan dan butiran Rang Undang-undang berkenaan dibentangkan. Selepas ianya disokong, Speaker DUNS akan membenarkan setiap ADUN untuk membahaskannya sekali sahaja.



Pada tahun 1968, keanggotaan *Council Negri* bertambah menjadi 48 ahli bagi mewakili kawasan masing-masing (seorang wakil bagi satu kawasan). Nama *Council Negri* kemudiannya dipinda ke Dewan Undangan Negeri Sarawak (selepas ini dirujuk sebagai “DUNS”) pada tahun 1976 supaya selaras dengan Dewan Undangan Negeri yang lain di Malaysia dan selepas itu keanggotaannya/keahliannya diperluaskan lagi pada tahun 1985 ke 56 ahli yang dipilih secara demokrasi oleh rakyat yang mewakili 56 kawasan pilihanraya.

Keanggotaan DUNS bertambah kepada 62 ahli dan 71 ahli pada tahun 1996 dan tahun 2006. Setelah persempadanan semula dilaksanakan pada tahun 2016, keanggotaan DUNS kini telah bertambah kepada 82 ahli.

Malaysia merupakan sebuah Kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan doktrin pengasingan kuasa di mana struktur Kerajaan terbahagi kepada tiga cabang kuasa utama iaitu Badan Eksekutif, Badan Perundangan dan Badan Kehakiman pada peringkat Persekutuan dan juga pada peringkat negeri termasuk Negeri Sarawak.

Salah satu fungsi utama DUNS adalah menggubal undang-undang di bawah “*Senarai Negeri*” dan “*Senarai Bersama*” seperti yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Berdasarkan Perlembagaan Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sarawak mempunyai hak dan kuasa untuk memanggil atau membubar DUNS. Selain itu, beliau juga mempunyai kuasa untuk memperkenalkan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh DUNS.

Secara amnya, DUNS terdiri daripada Speaker, Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak (selepas ini dirujuk sebagai “ADUN”) yang dipilih melalui Pilihan Raya Negeri Sarawak bagi mewakili kawasan masing-masing.

Pentadbiran dan pengurusan DUNS pula adalah di bawah seliaan Setiausaha DUNS.



Persidangan DUNS

Lazimnya, persidangan DUNS akan diadakan dua kali setahun di Dewan Mesyuarat (*Chamber*) yang terletak di Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching. Kebiasaannya, penggal persidangan pertama (penggal pembukaan) akan diadakan pada separuh tahun pertama dan penggal persidangan kedua (persidangan bajet) diadakan pada separuh tahun kedua.

Setiap persidangan kebiasaannya akan berlangsung selama 8 hari (tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum). ADUN akan dimaklumkan tentang persidangan tidak kurang daripada 28 hari sebelum persidangan bermula. Ini adalah bagi membolehkan mereka membuat persediaan dan mengemukakan soalan-soalan bagi sesi soal jawab bersama para menteri semasa persidangan berlangsung.

DUNS adalah satu-satunya Dewan Perundangan di Malaysia yang membenarkan penggunaan Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa tempatan (*native languages*) semasa persidangan seperti yang diperuntukkan di dalam Peraturan Mesyuarat DUNS.

Persidangan Pembukaan Penggal

TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak akan terlebih dahulu memeriksa Perbarisan Kawalan Kehormat di dataran perbarisan DUNS sebelum beliau masuk ke dalam Dewan Mesyuarat untuk menyampaikan ucapannya.

Pada setiap sesi pembukaan penggal, Setiausaha DUNS akan membaca Pengisytiharan Memanggil Persidangan DUNS. Speaker DUNS kemudiannya akan menyampaikan pemasyhuran dan mengumumkan kehadiran TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak ke persidangan untuk menyampaikan ucapan pembukaan pada upacara perasmian persidangan Dewan. Persidangan kemudian ditangguhkan untuk menunggu keberangkatan masuk TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak ke dalam Dewan Mesyuarat.



Lazimnya, TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak hanya akan hadir untuk menyampaikan ucapan semasa sesi pembukaan penggal bagi persidangan.

Kuorum

Persidangan hanya akan dimulakan apabila jumlah kuorum mencukupi. Peraturan-peraturan Mesyuarat DUNS menetapkan bahawa kuorum untuk persidangan adalah tidak kurang daripada satu pertiga daripada jumlah ADUN (tidak termasuk Pengerusi/Speaker DUNS).

Aturan Urusan Mesyuarat Harian

Urusan harian persidangan disenaraikan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat Harian (*Order of the Day*). Ia mengandungi aturan yang telah dijadualkan untuk suatu mesyuarat seperti Doa, Pemasyhuran Speaker, Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawapan Lisan, pembentangan Rang Undang-undang Kerajaan ke dalam Mesyuarat, Usul daripada Ahli Biasa dan urusan-urusan lain mengikut susun atur seperti yang termaktub di dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat DUNS. Aturan Urusan Mesyuarat Harian akan diedarkan kepada ADUN sebelum persidangan bermula.

Sesi Soal Jawab

Semasa sesi soal jawab bagi pertanyaan-pertanyaan untuk jawapan lisan berlangsung, menteri-menteri yang berkenaan akan menjawab pertanyaan-pertanyaan ADUN mengikut susun atur seperti yang terdapat di dalam Aturan Urusan Mesyuarat Harian. Sesi untuk soal jawab yang diperuntukkan adalah selama satu jam sahaja.

ADUN yang mengemukakan soalan utama yang telah dijawab oleh menteri dibenarkan untuk mengemukakan dua soalan tambahan yang berkaitan dengan soalan utama. Dalam konteks ini, menteri berkenaan boleh memberi jawapan sebaik sahaja soalan tambahan tersebut ditujukan kepada beliau ataupun menjawab secara bertulis pada kemudian hari mengikut budi bicara beliau.

